

# Adun tak dimaklum projek Sungai Duyong

BK 20/11

Oleh Mohamad Yatim Latip

**M**ELAKA: "Saya langsung tidak diberitahu apa-apa maklumat mengenai projek menaik taraf Sungai Duyong Fasa Satu termasuk masalah pemilik gerai di Jalan Pantai Nekmat, berhampiran Sungai Duyong, Padang Temu," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Telok Mas, Datuk Wira Amid Nordin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan *Berita Harian*, Rabu lalu mengenai kekesalan sembilan peniaga di kawasan terbabit apabila diberitahu JPS tidak akan diberi sebarang sagu hati bagi kerja menaik taraf Sungai Duyong.

Wakil rakyat kawasan terbabit berkata, beliau hanya diberitahu secara rambang oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Padang Temu, Zulkifli Sulaiman mengenai perkara berkenaan.

Sebaliknya, beliau berkata, pihaknya tidak mendapat sebarang maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran negeri (JPS) atau agensi kerajaan lain yang terbabit.

Katanya, selaku wakil rakyat kawasan, beliau sepatutnya dipanggil untuk hadir dalam sebarang mesyuarat atau perbincangan oleh pihak bertanggungjawab.

"Malah, saya sendiri tidak tahu menahu mengenai projek yang akan dilaksanakan di

situ... syarikat mana yang dilantik?" katanya ketika dihubungi di sini, baru-baru ini.


Sehubungan itu, Amid memberi jaminan akan memberi perhatian terhadap masalah berkenaan dan meminta peniaga terbabit memaklumkan jika isu itu masih gagal diselesaikan.

Akhbar sebelum ini melaporkan, kumpulan peniaga terbabit kecewa apabila mereka tidak diberikan sebarang notis pemberitahuan mengenai kerja merobohkan gerai.

Malah, difahamkan, setiap peniaga dijanjikan pembayaran sagu hati berjumlah RM1,000 seorang oleh kontraktor yang dilantik, selain jaminan akan ditempatkan di gerai sementara yang akan dibina di kawasan berdekatan.

**“***Saya sendiri tidak tahu menahu mengenai projek yang akan dilaksanakan di situ... syarikat mana yang dilantik?”*

**Amid Nordin**  
*Adun Telok Mas*



**HAMPIR DILAKSANAKAN:** Jabatan Pengairan dan Saliran meletakkan papan tanda mengenai pelaksanaan projek naik taraf sungai berhampiran jalan masuk ke Muara Sungai Duyong, baru-baru ini.

MOHD YATIM LATIP | BERITA HARIAN